

GTP kawasan perindustrian bertaraf dunia

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH – Taman Teknologi Jerman atau German Technology Park (GTP) yang akan dibangunkan di tanah seluas 186.15 hektar (460 ekar) di Ayer Keroh bakal menjadi satu kawasan perindustrian bertaraf dunia.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, GTP diwujudkan bertujuan untuk menjadikan Melaka sebagai hab pelaburan berteknologi tinggi Jerman yang bakal membuka lebih 10,000 peluang pekerjaan kepada anak Melaka.

Menurut Ketua Menteri, ia juga membuka peluang kerjaya lebih besar kepada pelajar-pelajar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di 23 buah institusi yang ada di negeri ini.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam mempromosikan GTP yang secara rasminya telah dilancarkan



Ab Rauf berucap pada Majlis Perasmian 'Deutscher Brand Summit 2024'.
Foto Muhammad Rasul Azli Samad

supaya dapat memberi pendedahan kepada syarikat-syarikat Jerman untuk melabur ke negeri ini.

“Saya yakin kewujudan GTP yang membawa pelabur berteknologi tinggi ini insya-Allah akan men-

jadi kenyataan memandangkan kita kita secara rasmi menerima kunjungan delegasi dari (negeri) Baden-Württemberg yang telah melihat potensi besar yang ada di Melaka.

“Dengan kerjasama daripada kedua-dua negeri ini (Melaka dan Baden-Württemberg) kita menjangkakan promosi GTP ini akan membawa hasil yang baik untuk kedua-dua pihak,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Deutscher Brand Summit 2024 Conference & Exhibition di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini, 15 Oktober lalu.

Hadir sama, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Buruh dan Pelancongan Baden-Württemberg Jerman, Dr. Nicole Hoffmeister-Kraut; Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Wira Ibrahim Durum; Setiausaha Kerajaan Negeri Dato’ Azhar Arshad; Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri

Datuk Rais Yasin; barisan Exco Kerajaan Negeri; Timbalan Exco Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan TVET negeri Datuk Khaidhirah Abu Zahar; barisan Timbalan Exco Kerajaan Negeri serta lain-lain kenamaan.

Tambah Ab Rauf, GTP juga terletak di lokasi strategik, iaitu hanya dua kilometer dari Lebuhraya Utara Selatan, sekali gus memiliki potensi cukup besar untuk menarik pelabur.

Tambah beliau, kawasan itu juga bakal menjadi ikon industri baharu di Melaka dengan memberi fokus kepada sektor teknologi tinggi dan inovasi dari Jerman.

Menurut beliau, GTP kini sudah mendapat kelulusan daripada sudut teknikal dan ia bakal disiapkan dalam tempoh 12 bulan dari sekarang.

“Disasarkan, dalam tempoh dua tahun, 70 peratus syarikat telah mengisi kekosongan yang terdapat di GTP ini,” tambahnya.